

MAHATHIR-BUMIPUTERA

1984

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA)--KERAJAAN AKAN TERUS MENGGALAKKAN PENABUNGAN BAGI MENINGKATKAN PELABURAN DAN PENYERTAAN EKUITI BUMIPUTERA DINEGARA INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA CALAKAN PENABUNGAN DAN PENYERTAAN EKUITI OLEH BUMIPUTERA ITU AKAN DIBUAT MELALUI AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN) DAN LAIN-LAIN KEMUOAHAN PENABUNGAN.

SKIM-SKIM AMANAH SAHAM INI PERLU TERUS WUJUD SEBAGAI ALAT PENABUNGAN DAN PELABURAN MEMANOANGKAN TIDAK SEMUA ORANG OAPAT MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DALAM PERNLAGAAN DAN PERINDUSTRIAN. JELASNYA SEMASA MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN IBU PEJABAT PERNAS BERHARGA \$74 DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP AGENSI-AGENCI AWAM AKAN TERUS BERUSAHA MENJAYAKAN ANAK-ANAK SYARIKAT MEREKA DAN MENYERAHKANNYA KEPADA BADAN-BADAN YANG BUMIUTERA MENJADI PEMILIK SAHAMNYA SEPERTI ASN.

MEREKA DIINGATKAN BAHAWA BADAN-BADAN PERNIAGAAN YANG DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN BUKANLAH UNTUK MENCARI UNTUNG BAGI KERAJAAN TETAPI SEBALIKNYA ADALAH PEMEGANG AMANAH BAGI RAKYAT BUMIPUTERA KESELURUHAN NYA.--LAGI 1206/PA

MAHATHIR-BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK BOLEH MEMINDAHKAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERJAYA INI KEPADA INDIVIDU BUMIUTERA ATAU KUMPULAN BUMIPUTERA YANG KECIL KERANA INI BERERTI MENGGUNA WANG KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN BEBERAPA ORANG SAHAJA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN TUJUAN PENUBUHAN ASN IALAH SUPAYA KEUNTUNGAN DARI PADA PELABURAN KERAJAAN AKAN DINIMATI OLEH SEBERAPA RAMAI RAKYAT BUMIUTERA YANG MUNGKIN.

USAHA PENYERAHAN SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN INI JUGA ADALAH UAJAR DARI SEGI KEKAYAAN NEGARA.

+JADI PEMINDAHAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERJAYA KEPADA PNB DAN ASN ADALAH MEMENUHI TUJUAN PENUBUHAN BADAN-BADAN SEPERTI PERNAS DAN MEREKA TIDAK HARUS BERASA KECEWA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DISAMPING MENINGKATKAN PENYERTAAN EKUITI BUMIPUTERA, KERAJAAN JUGA HENDAK MEMPASTIKAN BILANGAN PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG AKTIF SECARA LANGSUNG DALAM PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN TERUS BERTAMBAH DARI TAHUN KE TAHUN.

KERAJAAN, MELALUI BEBERAPA DASARNYA, MENGGALAKKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM LAPANGAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN.--LAGI

MAHATHIR-BUMIPUTERA 3 KUALA LUMPUR

KATANYA INI ATAS KESEDARAN, PEMILIK EKUITI MENERUSI PENABUNGAN SAHAJA MENJADIKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM ALAM PERNIAGAAN DAN PERINDUSERIAN SECARA PASIF.

+PELABUR-PELABUR BUMIPUTERA, MELALUI ASN DAN KEMUDAHAN TABUNGAN YANG LAIN, TIDAK MEMAINKAN PERANAN YANG AKTIF, TIDAK MENYERTAIPENGURUSAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN DAN LAIN-LAIN.

+PELABUR-PELABUR TIDAK MENANGGUNG RISIKO DAN TIDAK BERSAMA-SAMA DENGAN NAIK TURUN SESUATU PERNIAGAAN ITU, + TAMBANYA.

DATUK SERIDR. MAHATHIR MEMUJI PERNAS YANG TERLIBAT DALAM 100 BUAH SYARIKAT DI NEGARA INI DAN MEMPUYAI HARTA BERNILAI HAMPPIR \$2,000 JUTA TELAH BERJAYA MEMINDAHKAN EKUITI DAN SAHAMNYA DALAM 11 BUAH SYARIKAT KEPADA BUMIPUTERA MENERUSI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

INI MERUPAKAN BILANGAN TERBESAR SEKALI YANG TELAH DIPINDAHKAN DARIPADA MANA-MANA AGENSI AMANAH KEPADA PNB.

WALAU PUN SYARIT-SYARIKAT YANG UNTUNG INI SUDAH TERCEPAS DARITANGAN PERNAS, KATA PERDANA MENTERI, PERNAS MASIH BERJAYA HENDAPAT KEUNTUNGAN DARI SYARIKAT-SYARIKAT YANG MASIH DIMILIKI OLEHNYA.

BELIAU PERCAYA PERNAS BERKEUPAYAAN MEMINDAHKAN EKUITI DAN SAHAMNYA DALAM BEBERAPA BUAH SYARIKAT LAIN LAGI DI MASA HADAPAN.
LAGI 1302/SL

MAHATHIR-BUMIPUTERA 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENERANGKAN PERANAN YANG BOLEH DISUMBANGKAN OLEH BADAN-BADAN AWAM SEPERTI PERNAS ADALAH TERHAD DAN CUMA BOLEH MEMBERI PENDEDAHAN PERTAMA DALAM PERNIAGAAN.

MENURUTNYA, INI SUDAN TENTU TIDAK SAMA DENGAN PENGALAMAN YANG BOLEH DIPEROLEHI APABILA RISIKO DAN PAHIT MAUNG DALAM PERNIAGAAN DITANGGUNG SENDIRI.

+PENGALAMAN SECARA LANGSUNG SAHAJALAH YANG AKAN MENJADIKAN PENGUSAHA KITA LEBIH GIGIH DAN TAHAN LASAK, + TAMBANYA.

PERDANA MENTERI HENEKANKAN PERLUNYA AGENSI-AGENSI KERAJAAN MENGAMALKAN SIKAP BERDIKARI DAN MEMUPUK PENGALAMAN SEMUA TEKNIK YANG BOLEH MENINGKATKAN PRESTASI DALAM SEMUA LAPANGAN.

+JANGANLAH MENUNGGU DAN BERGANTUNG KEPADA PELUANG BERNIAGA DENGAN KERAJAAN SAHAJA. DAN JANGAN SEKALI-KALI BERHARAP

+BUSINESS+ DARL KERAJAAN AKAN DATANG DENGAN SENDIRINYA KERANA KITA ADALAH SYARIKAT MILIK KERAJAAN.

+SYARIKAT MILIK KERAJAAN PUN MESTI +AGRESIF DALAM USAHA MENDAPAT KONTRAK-KONTRAK KERAJAAN, + TAMBANYA. BERNAMA 1306/SL